

**Parlimen: Kadar Radiasi Direkod Pembangkang Tidak Tepat - Ongkili Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Maximus Ongkili berkata tahap kadar radiasi tinggi yang direkodkan pembangkang di sekitar tapak bekas kilang Asian Rare Earth (ARE) di Bukit Merah dan tapak pelupusan sisa buangan radioaktif di Bukit Kledang di Perak adalah tidak tepat.

Beliau berkata ini kerana kadar yang direkodkan oleh kumpulan Selamatkan Malaysia Hentikan Lynas (SMSL) semasa lawatan ke tapak loji berkenaan diperoleh berdasarkan perbandingan dengan bacaan latar belakang Malaysia dan bukannya bacaan latar belakang lokasi itu.

"Bacaan 0.19 microseivert/jam di tapak bekas kilang di Bukit Merah dan 0.2 di loji sisa buangan di Bukit Kledang adalah lebih tinggi kerana perbandingan dibuat berdasarkan purata paras bacaan latar belakang Malaysia iaitu 0.05 microseivert/jam.

"Sebaliknya ia perlu membuat perbandingan dengan bacaan latar belakang di lokasi itu iaitu 0.2-0.75 microseivert/jam," katanya ketika menggulung perbincangan usul keselamatan penduduk di sekitar kawasan tapak kilang Asian Rare Earth (ARE) di Bukit Merah pada persidangan Dewan Rakyat di sini, Khamis.

Ongkili berkata bacaan di kawasan itu lebih tinggi berbanding tempat-tempat lain di Malaysia kerana ia merupakan bekas tapak perlombongan bijih timah yang menghasilkan amang yang mengandungi torium dan uranium.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654273>